

3756/2

Prinsip Perakaunan

Kertas 2

2½ jam

Nama: \_\_\_\_\_

Tingkatan: \_\_\_\_\_




---



---

## MODUL 2

### ULANGKAJI KECEMERLANGAN BERFOKUS SPM 2020

---



---

#### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

	Kegunaan Guru Pemeriksa		
	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1. Modul ini mengandungi dua bahagian : <b>Bahagian A dan Bahagian B.</b>	<u>Bahagian A</u>		
2. Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.	1	10	
3. Tulis jawapan anda pada kertas Jurnal, Lejar, Buku Tunai, Kertas Graf dan helaian tambahan yang dibekalkan.	2	25	
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.	3	25	
5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.	<u>Bahagian B</u>		
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.	4	20	
7. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.	5	20	
8. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.	6	20	
	Jumlah		

**Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak**

## BAHAGIAN A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan dalam perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah ini.

	Situasi	Andaian/Prinsip/Batasan
(i)	Insurans prabayar dan faedah belum terima diambil kira untuk menentukan keuntungan bagi sesuatu tempoh perakaunan.	
(ii)	Perniagaan mempunyai pilihan sama ada untuk membuka cawangan baru atau membesarkan kedai.	

[ 2 markah ]

- (b) Lengkapkan jadual yang berikut.

Akaun Berkaitan	Akaun Kontra
	Pulangan keluar
Akaun Belum Terima	

[ 2 markah ]

- (c) Kesilapan yang berikut dikesan oleh kerani akaun Perniagaan Shakira.

Pada 30 Jun 2020, penerimaan cek bernilai RM1 500 daripada Kedai Shah Putra telah didebitkan dalam akaun Kedai Shah Putra dan dikreditkan dalam Akaun Bank.

Betulkan kesilapan tersebut melalui catatan Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).

[ 2 markah ]

- (d) Berikut adalah maklumat nisbah kewangan bagi Firma Rafiq Rohaizad.

Nisbah Semasa      3 : 1

- (i) Nyatakan jenis nisbah tersebut. [ 1 markah ]  
(ii) Berikan tafsiran maklumat yang diperoleh daripada nisbah itu. [ 1 markah ]

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kilang Payung Selamat.

	RM
Sewa kilang	5 000
Insurans kilang	1 200
Kos berubah seunit	180
Harga jualan seunit	280

Berapakah Titik Pulang Modal dalam unit bagi kilang tersebut?

[ 2 markah ]

- 2 Mira dan Edora adalah pemilik bagi Perkongsian ME yang beroperasi di Jalan Salleh, Muar. Ikatan Perjanjian adalah seperti berikut:-
- Untung rugi dibahagikan sama rata.
  - Faedah atas modal dikenakan sebanyak 5% manakala faedah atas ambilan adalah 10% setahun.
  - Faedah atas pinjaman ialah 4% setahun.
  - Mira tidak menerima gaji dan Edora dibayar gaji sebanyak RM5 000 setahun.

Berikut ialah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku-buku perniagaannya pada 30 Jun 2020.

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2019:		
Mira		120 000
Edora		60 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2019:		
Mira		5 400
Edora		3 100
Ambilan Pekongsi	2 700	
Inventori pada 1 Julai 2019	6 190	
Alatan Pejabat (Kos)	35 000	
Kenderaan (Kos)	70 000	
Susut Nilai Terkumpul Alatan Pejabat		6 600
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		21 000
Belian dan Jualan	51 000	106 200
Pulangan	670	530
Diskaun	900	790
Gaji pekerja	10 000	
Bank	111 000	
Tunai	800	
Pengiklanan	12 000	
Insurans	8 400	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	28 380	19 540
Peruntukan Hutang Ragu		400
Kadar Bayaran	3 000	
Angkutan Masuk	1 100	
Angkutan Keluar	880	
Belanja Am	2 200	
Komisen		660
	324 220	324 220

**Maklumat tambahan :**

- Inventori pada 30 Jun 2020 bernilai RM6 340 pada harga kos dan RM8 980 pada harga pasaran.
- Insuran prabayar sebanyak RM700.
- Komisen yang masih belum diterima sebanyak RM1 080.
- Kos pengiklanan dijelaskan untuk setahun dan berakhir pada 31 Disember 2020.

- (v) Polisi susut nilai adalah seperti berikut :

<b>Aset Bukan Semasa</b>	<b>Alatan Pejabat</b>	<b>Kenderaan</b>
Kadar susut nilai	10%	15%
Kaedah susut nilai	Baki berkurangan	atas kos

- (vi) Seorang Akaun Belum Terima RM380 telah dikenalpasti tidak siuman dan dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 1 % atas Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Nisbah ambilan antara pekongsi ialah 2:1.
- (ix) Gaji pekerja RM10 000 termasuk gaji Edora sebanyak RM3 500.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Jurnal Am bagi pelarasan (iii) (vi) dan (ix). (keterangan tidak diperlukan) [3 *markah*]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. [12 *markah*]
- (c) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. [4 *markah*]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. [6 *markah*]

3. En. Hassan ialah pemilik kilang sarung tangan yang beroperasi di Batu Pahat. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perusahaan Sarung Tangan Hassan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	<b>RM</b>
Inventori 1 Januari 2019	
Bahan langsung	8 220
Barang siap	2 300
Alat-alat kilang	2 180
Alat tulis	110
Kerja dalam proses 1 Januari 2019	
Bahan langsung	1 650
Buruh langsung	1 820
Overhed	2 600
Belian:	
Bahan langsung	38 500
Barang siap	5 800
Alat-alat kilang	1 230
Alat tulis	220
Pulangan bahan langsung	500
Upah langsung	22 640
Upah tak langsung	13 890
Angkutan masuk bahan langsung	260
Angkutan keluar	540
Mesin (kos)	80 000
Susut nilai terkumpul mesin	8 000
Jualan barang siap	160 000
Gaji pentadbiran kilang	6 500
Gaji pentadbiran pejabat	5 350
Diskaun diberi	280
Alatan pejabat (kos)	10 200
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	1 020
Hak cipta	8 200
Kadar bayaran	5 100
Insurans	8 000
Sewa	20 000
Komisen jurujual	2 700
Pulangan jualan barang siap	1 000

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori 31 Disember 2019:

Bahan langsung	2 920
Barang siap	3 300
Alat-alat kilang	1 150
Alat tulis	230

(ii) Kerja dalam proses 31 Disember 2019:

Bahan langsung	1 800
Buruh langsung	1 530
Overhed	1 350

(iii) Sewa tahunan ialah RM24 000.

(iv) Insurans dibayar setiap tahun bermula pada 1 April.

(v) Nota debit berjumlah RM100 untuk caj angkutan belian bahan langsung belum direkodkan.

(vi) Elaun kerja lebih masa berjumlah RM1 200 terlupa dicatatkan.

(vii) Upah langsung sebanyak RM1 600 tersalah catat dalam upah tak langsung.

(viii) Kaedah pengiraan susut nilai diperuntukan seperti berikut:

Aset	Kaedah	Kadar
Mesin	Baki berkurangan	10%
Alatan Pejabat	Atas kos	5%

(iv) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah mengikut nisbah berikut:

	Kilang		Pejabat
Kadar Bayaran	3	:	1
Sewa	1	:	1
Insurans	3	:	2
Alat tulis	1	:	1

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Alat-alat Kilang. [3 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [17 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [5 markah]

## Bahagian B

[ 40 markah ]

Jawab *dua* soalan sahaja.

- 4 (a) Pada 1 Januari 2019, Syarikat Wawasan Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1 sesyer dan 4 000 000 Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Januari 2019. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Pada 31 Oktober 2019, lembaga pengarah syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim 6% kepada pemegang Syer Keutamaan dan 3% kepada pemegang Syer Biasa. Selepas untung bersih dikira bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, lembaga pengarah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir 5% kepada pemegang Syer Biasa.

### Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan catatan lejar untuk merekod terbitan syer tersebut.
- (i) Akaun Permohonan 6% Syer Keutamaan
  - (ii) Akaun Modal 6% Syer Keutamaan
  - (iii) Akaun Permohonan Syer Biasa
  - (iv) Akaun Modal Syer Biasa
  - (v) Akaun Bank [4 markah]
- (b) Menghitung
- (i) Dividen interim Syer Keutamaan [2 markah]
  - (ii) Dividen akhir Syer Keutamaan [2 markah]
- (c) Menunjukkan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 (bahagian Ekuiti Pemilik) [2 markah]



4 (b) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Corona Enterprise pada 31 Disember 2019.

**Buku Tunai (petikan)**

2019	RM	2019	RM
Dis 31 Sewa Diterima	28 000	Dis 31 Gaji	20 000
		Insurans	8 000

**Corona Enterprise  
Imbangan Duga Pada 31 Disember 2019 (petikan)**

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	10 300	
Peruntukan Hutang Ragu		500
Alatan Pejabat (1 Januari 2019)	15 000	
Susut Nilai Terkumpul Alatan Pejabat		1 500

**Maklumat tambahan** bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

- (1) Gaji Belum Bayar RM2 000.
- (2) Insurans Dibayar adalah untuk tempoh 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2020.
- (3) Sewa masih belum diterima RM2 000.
- (4) Seorang pelanggan telah diisytiharkan mufliis. Hutangnya sebanyak RM300 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan 6% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (5) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |  |            |
|--|------------|
| (i) Akaun Gaji                                 | [2 markah] |
| (ii) Akaun Insurans                            | [2 markah] |
| (iii) Akaun Sewa Diterima                      | [2 markah] |
| (iv) Akaun Peruntukan Hutang Ragu              | [2 markah] |
| (v) Akaun Susut Nilai Terkumpul Alatan pejabat | [2 markah] |

- 5(a) Puan Sharifah ialah pemilik perniagaan Sherry Bakery di bandar Kluang, Johor. Beliau merancang untuk menyediakan satu Belanjawan Tunai bagi suku ketiga tahun 2020. Anggaran baki akhir pada 30 Jun 2020 bagi tunai dan alatan kedai ialah RM6 000 dan RM12 000.

Maklumat perancangannya bagi suku ketiga tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Pemilik membawa masuk tunai sebanyak RM5 000 pada bulan Julai.
- (ii) Anggaran belian dan jualan:
  - Jualan pada bulan Jun ialah RM8 000. Anggaran jualan bagi bulan Julai dan Ogos ialah RM10 000 dan dijangka meningkat sebanyak 5% pada bulan September.
  - 60% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya diberi sebulan kredit.
  - Belian pada bulan Jun berjumlah RM5 000. Anggaran belian pada bulan Julai ialah RM6 500 dan dijangka meningkat 10% setiap bulan.
  - Belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (iii) Sebuah mesin pengisar bernilai RM1 500 akan dibeli pada bulan Julai dengan membayar deposit sebanyak RM300. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama enam bulan mulai bulan Ogos 2020.
- (iv) Kadar bayaran bagi setiap bulan ialah RM800 dan dijangka meningkat 5% pada bulan September.
- (v) Sewa kedai ialah RM700 setiap bulan.
- (vi) Susut nilai alatan kedai ialah 10% setahun atas kos.
- (vii) Terdapat dua orang pekerja dengan gaji bulanan RM1 000 seorang. Pada bulan Ogos seorang pekerja baru akan diambil dengan gaji RM900 dan pada bulan September, pekerja lama akan menerima kenaikan gaji sebanyak 20%.

**Anda dikehendaki menyediakan** Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2020. (tunjukkan lebihan atau kekurangan)

[12 markah]

- 5(b) Puan Zainah ialah peniaga tunggal yang menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Nilai panjar berjumlah RM300. Pada 1 Jun 2020, baki tunai runcitnya ialah RM48. Urus niaga bagi bulan Jun 2020 adalah seperti berikut:

2020	RM
Jun 1 Bayaran balik oleh ketua juruwang	?
6 Beli kartrij pencetak	65
9 Beli penyegar udara	30
13 Belanja pembersihan	45
25 Beli fail dan kertas pencetak	58

**Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai Runcit bagi bulan Jun 2020 dengan menunjukkan lajur alat tulis dan belanja runcit sebagai lajur analisis. Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2020.

[8 markah]

- 6(a) Kelab Petanque Bandar Seri Impian telah ditubuhkan di Kluang, Johor. Berikut adalah maklumat perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020**

	RM		RM
Baki b/b	2 500	Alat tulis	450
Yuran masuk	4 820	Kadar bayaran	3 500
Yuran ahli	8 500	Hadiah pertandingan	2 600
Kutipan pertandingan	4 600	Sagu hati jurulatih	2 400
Sewa gelanggang	2 000	Penyelenggaraan gelanggang	1 700
		Baki h/b	11 770
	<u>22 420</u>		<u>22 420</u>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	1 Nov 2019	31 Okt 2020
	RM	RM
Inventori alat tulis	40	140
Premis	140 000	140 000
Yuran belum terima	1 450	670
Yuran belum terperoleh	-	890
Kadar bayaran belum bayar	170	240

- (ii) Yuran masuk adalah untuk membina gelanggang petanque.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Akaun Yuran [5 markah]  
(ii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020.

[7 markah]

6(b) Kesilapan-kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan:

- (i) Belian alatan pejabat berkos RM1 500 telah direkod dalam Akaun Belian.
- (ii) Alat tulis yang diambil untuk kegunaan peribadi RM20 tidak direkod dalam mana-mana buku.
- (iii) Angkutan masuk RM500 tersilap catat sebagai angkutan keluar.
- (iv) Belian barang niaga secara kredit RM1 392 telah dicatat dalam buku sebagai RM1 329.

**Anda dikehendaki** membetulkan kesilapan-kesilapan di atas melalui catatan Jurnal Am. (abaikan keterangan)

[8 markah]

### KERTAS SOALAN TAMA

